

CNS4495

R GB 27-01 00178 BB874

Bah

Mahathir - Kondominium

DR MAHATHIR BERI PENGHARGAAN KEPADA PEKERJA PENYELAMAT

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Tragedi kondominium Highland Towers di Hulu Klang yang tumbang pada 11 Dis tahun lepas secara tidak langsung menunjukkan sifat prihatin dan penyayang penduduk negara ini.

Sehubungan itu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengucapkan terima kasih bagi pihak diri beliau sendiri dan kerajaan kepada semua yang terlibat dalam menjalankan usaha mencari dan menyelamatkan mangsa tragedi itu serta menghulurkan pelbagai jenis bantuan.

Seluruh negara menumpukan tiap-tiap saat dan mengikuti tragedi itu kerana mereka melihat satu peristiwa yang amat menyedihkan, kata beliau ketika berucap pada majlis penghargaan dan kenangan tragedi itu di sini malam ini.

Katanya, sifat penyayang itu terbukti dengan pelbagai jenis bantuan yang dihulurkan untuk memudahkan usaha menyelamatkan dijalankan seperti memberi bantuan makanan, penggunaan rumah mereka dan sokongan moral.

Hampir 3,000 orang menghadiri majlis itu yang dianjurkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebagai penghargaan kepada mereka yang terlibat dalam usaha mencari dan menyelamatkan mangsa tragedi itu. -- Lagi

▼27/01/23-40MST

CNS4496

R GB 27-01 00153 BB875

aab

Mahathir - Kondominium 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata jiran-jiran yang jauh dan dekat juga menunjukkan sifat prihatin mereka dengan menawarkan bantuan tanpa diminta.

Katanya, banyak negara menawarkan pelbagai jenis bantuan tetapi kita hanya menerima bantuan dari tiga negara sahaja iaitu Singapura, Jepun dan Perancis yang menghantar anggota penyelamat untuk bekerja bertungkus-lumus siang dan malam bersama pekerja menyelamatkan tempatan,

Perdana Menteri berkata kerajaan amat berterima kasih pada mereka atas bantuan yang diberikan.

Kerajaan telah menjalankan peranannya sebaik mungkin dalam mengatur kerja-kerja menyelamatkan tetapi malangnya di sebalik itu semua mangsa yang terperangkap tidak dapat diselamatkan kecuali mereka yang dikeluarkan dari tuntuhan bangunan itu pada hari pertama.

Dalam kejadian itu seorang pembantu rumah rakyat Indonesia Umi Sumirah, 23, dan anak perempuannya yang berusia dua tahun berjaya diselamatkan. Ia mengorbankan 48 orang yang terperangkap di bawah runtunan bangunan 12 tingkat itu.

"Kita telah banyak belajar dari tragedi ini serta tidak boleh bersikap ambil mudah dan kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu agar tragedi serupa tidak berulang lagi," kata beliau.

Katanya, jika tindakan yang diambil nampak seolah-olah keterlaluan dalam menentukan bangunan-bangunan sekarang perlu mematuhi peraturan tertentu, ia adalah untuk mengelak kejadian serupa berulang.

Dr Mahathir mengucapkan takziah bagi pihak kerajaan kepada keluarga mangsa yang terkorban dalam tragedi itu dan meminta mereka supaya bersabar.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menyampaikan sijil penghargaan kepada duta-duta negara Perancis, Jepun dan Singapura serta individu, agensi-agensy, syarikat-syarikat swasta dan media massa yang terlibat menghulurkan bantuan.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Tragedi Highland Towers dan menteri-menteri kabinet yang menanggungtai jawatankuasa itu. -- Bernama.

MSZ OA